



MOHAMED ASIN DOLLAH (duduk, tengah) bersama mahasiswa USIM bersorak gembira sempena Kejohanan Balapan Universiti Sains Islam Malaysia di Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Kejohanan balapan USIM gilap atlet pelapis

SEREMBAN 24 Mac - Kejohanan Balapan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dekat sini baru-baru ini adalah medan terbaik menggilap atlet pelapis dalam acara sukan olahraga yang boleh diketengahkan ke kejohanan lebih besar.

Acara julang kali diadakan itu yang berlangsung di Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM mempertandingkan tujuh acara iaitu 100m, 200m, 400m, 800m, 1500m, 4x100m dan 4x400m.

Penganjuran kali pertama oleh Biro Pembangunan Sukan dan Be-

lia Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM dilihat amat berjaya apabila seramai 139 pelajar menyertainya.

Menurut Ketua Biro Pembangunan Sukan dan Belia MPP USIM, Muhammad Nor Amin Jamaluddin, penyertaan yang amat memberangsangkan itu menunjukkan USIM mempunyai ramai atlet yang berpotensi dalam bidang olahraga.

Katanya, ia selari dengan visi Biro Sukan dan Pembangunan Belia MPP untuk melestarikan budaya sukan dalam kalangan warga USIM.

“Pasca Kejohanan Balapan USIM,

kami akan membukukan rekod catatan masa atlet terlibat bagi menaikkan semangat bagi memecah rekod yang ada pada kejohanan seumpamanya tahun depan.

“Ia akan mewujudkan persainjangan sihat seterusnya meningkatkan kualiti atlet.

“Saya yakin selepas kejohanan ini, ramai para penuntut akan turun ke Pavillion bagi melakukan aktiviti sukan,” katanya di sini baru-baru ini.

Berikutan kejayaan program itu, beliau memberitahu, pihaknya merancang mengadakan Hari Terbuka

Sukan USIM dan majlis pelancaran kempen ‘Fit USIM’.

Kejohanan yang berlangsung selama sehari itu ditutup secara rasmi oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah.

Dalam ucapannya pada majlis itu, beliau berkata, pihak pengurusan universiti memberi komitmen untuk menghantar atlet olahraga USIM ke Kejohanan Sukan Antara Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) pada tahun depan.